

KONSEP TAAT SETIA SEBAGAI PETUNJUK MASA DEPAN MELALUI KARYA AGUNG SEBAGAI MODEL JATI DIRI BANGSA MELAYU

(THE CONCEPT OF LOYALTY AS A LESSON FOR TOMORROW THROUGH
CANONICAL TEXTS AS A MODEL OF THE MALAY'S SELF-IDENTITY)

Norazimah Zakaria (PhD)¹
Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi²

Abstrak

Hikayat Hang Tuah merupakan sebuah karya agung yang dikenali sebagai epik Melayu. Sebagai sebuah karya epik, wira adalah lambang bagi bangsanya. Cita-cita, perjuangan, inspirasi wira merupakan lambang bagi kebesaran dan kekuasaan negaranya iaitu negeri Melaka. Objektif makalah ini ialah pertama mengenal pasti nilai taat setia di dalam Hikayat Hang Tuah dan kedua menghuraikan unsur taat setia yang berkaitan dengan jati diri bangsa Melayu. Makalah ini akan memanfaatkan pendekatan V.I Baginsky (1994) yang berfokus kepada sfera faedah. Dalam sfera faedah pendekatan ini akan melihat watak Hang Tuah sebagai tokoh yang berpegang kepada konsep taat setia dan sebagai cerminan masyarakat Melayu tradisi. Wira yang digambarkan iaitu Hang Tuah merupakan tokoh besar legenda Melayu dan wataknya digunakan sebagai lambang kebesaran kerajaan Melaka dan keperkasaan bangsa Melayu. Dalam usaha membina sebuah bangsa yang berjaya dan dikagumi, sikap dan budaya Melayu yang telah digambarkan oleh pengarang Hikayat Hang Tuah boleh dicontohi dan menjadi petunjuk masa depan (lesson for tomorrow) pada generasi kini. Lahirnya hikayat ini adalah untuk menaikkan semangat bangsa Melayu yang telah begitu merosot moralnya setelah Melaka ditakluk oleh Portugis pada tahun 1511. Dengan lahirnya hikayat ini, pengarang mengharapkan moral bangsa Melayu akan terus berkembang dan Hikayat Hang Tuah telah dijadikan model untuk membentuk sebuah bangsa yang mempunyai jati diri yang tinggi.

Kata kunci: *Hang Tuah, Teks Kanon Melayu, Epik Melayu*

Abstract

Hikayat Hang Tuah is a canonical text, identified as a Malay epic. As an epic work, the hero is a symbol for his people. The ambitions, struggles, inspirations of the hero are symbols of greatness and power for his state, which is Malacca. The objectives of this paper are one, to identify the value of loyalty in Hikayat Hang Tuah and two, to describe the element of loyalty that is related with the self-identity of the Malays. This paper will make use of the approach

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak. Emel: norazimah@fbk.upsi.edu.my

² Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak. Emel mazarul_hasan@yahoo.com

of V. I. Baginsky (1994) that focuses on the sphere of interest. In the sphere of interest, this approach will look at the character of Hang Tuah as a figure who embraces the concept of loyalty and as a reflection of the traditional Malay society. The described hero, that is Hang Tuah, is a great Malay legendary figure and his character portrays a symbol of greatness of the Malaccan government and the gallantry of the Malays. In the effort of building a nation that is successful and highly regarded, the Malay's attitude and culture, portrayed by the author of *Hikayat Hang Tuah*, can be emulated and used as a lesson for tomorrow by the current generation. The reason to the birth of this saga is to uplift the spirits of the Malays that have been deeply demoralised after the Portuguese captured Malacca in 1511. With the birth of this saga, the author hopes that the morale of the Malays will continue to grow, and *Hikayat Hang Tuah* made as a model to shape the nation with strong self-identity.

Keywords: *Hang Tuah, Malay Canon Text, Malay Epic*

2016 GBSEJournal

Pendahuluan

Hikayat Hang Tuah merupakan salah satu daripada hikayat lama yang terkenal. Hikayat ini dianggap sebagai epik Melayu. Menurut Kassim Ahmad (1963), hikayat ini telah menjadi epik kebangsaan orang Melayu sebagaimana “Iliad” dan “Odyssey” yang menjadi epik kebangsaan Yunani dahulu kala. Sebagai sebuah karya epik, wira adalah lambang bagi bangsanya. Cita-cita, perjuangan, inspirasi wira adalah lambang bagi kebesaran dan kekuasaan negaranya iaitu negeri Melaka. Dengan ini wira yang digambarkan dalam *Hikayat Hang Tuah* iaitu Hang Tuah merupakan tokoh besar legenda Melayu dan wataknya digunakan sebagai lambang kebesaran kerajaan Melaka dan keperkasaan bangsa Melayu. Ini boleh dilihat dalam petikan di bawah:

“Kebangunan, kebesaran dan kejatuhan Melaka berhubung rapat dengan tokoh Hang Tuah. Apabila dia kecil, Melaka baharu didirikan. Apabila Melaka besar dialah menjadi orang kanan bersama Bendahara di dalam urusan pentadbiran dan di dalam urusan keselamatan di dalam negeri suaranya muktamad. Apabila dia jatuh sakit, Melaka diancam oleh Portugis dan terus kalah apabila dia berundur dari perkhidmatan negara. Tidak lain Hang Tuah ialah lambang kekuasaan dan kebesaran Melaka. Di dalam hidupnya tercatat riwayat bangsa Melayu dalam zaman feodal yang sudah lampau.


(Hikayat Hang Tuah, 1991: xvi)

Berdasarkan edisi Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah* dikarang sesudah kejatuhan Melaka ke tangan Portugis dan Belanda. Watak Hang Tuah dicipta berdasarkan kekalahan tersebut hingga dia lain daripada watak yang ada sebelumnya. *Hikayat Hang Tuah* adalah sebuah teks yang penuh nilai pengajaran melalui watak-wataknya. Pembangunan model Hang Tuah adalah lambang pembentukan jati diri orang Melayu yang hampir merosot akibat dijajah. Watak Hang Tuah dilihat bermanfaat untuk diteladani oleh masyarakat supaya berpegang teguh kepada konsep taat setia kepada pemerintah. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* jati diri bermaksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dsb) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa

dan sebagainya, identiti: pembinaan negara Malaysia lebih berteraskan kekuatan bangsa dan semangat patriotik yang utuh.

Hikayat Hang Tuah akan dilihat bersandarkan kepada pendekatan Braginsky melalui sfera faedah. Peranan sastera dalam sistem sastera boleh dilihat melalui tulisan Braginsky (1994: 52-70) dalam buku *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Beliau telah mengkategorikan penghasilan karya oleh pengarang Melayu tradisional dalam tiga sfera iaitu sfera keindahan, sfera faedah dan sfera rohani. Ketiga-tiga sfera ini wujud dalam hierarki dengan sfera rohani menduduki kedudukan paling tinggi diikuti oleh sfera faedah dan seterusnya sfera keindahan. Berikut adalah hierarki sfera:

Rajah 1.1: Pengkategorian Karya Sastera Melayu Tradisi



Ini bermakna dalam pengkategorian tersebut, Braginsky meletakkan karya-karya dalam sfera kerohanian sebagai karya yang paling baik dihasilkan oleh pengarang dan diikuti oleh karya-karya dalam sfera faedah. Karya-karya dalam sfera keindahan dianggapnya karya yang paling rendah kedudukannya. Menurut Braginsky (1994: 48) seorang pengarang berada di peringkat yang paling rendah sekiranya dia menghasilkan sebuah karya yang penuh keindahan (keindahan luaran) dan kerana itu mampu memulihkan harmoni perasaan dalam hati pembaca, dalam nafsu haiwaninya. Karya-karya dalam sfera faedah pula bertujuan menyumbang kepada intelek. Yang dipentingkan dalam sfera ini ialah cerita-cerita yang boleh merangsang akal untuk berfikir dan memberikan nasihat. Maka *Hikayat Hang Tuah* adalah sebuah teks yang dapat memberikan nasihat kepada khalayak masyarakat.

Hang Tuah

Dalam usaha untuk membina sebuah bangsa yang berjaya dan dikagumi, kita boleh mencontohi sikap dan budaya bangsa Melayu yang telah digambarkan oleh pengarang *Hikayat Hang Tuah* menerusi watak Hang Tuah. Watak Hang Tuah dicipta di dalam hikayat bukanlah sangat hendak menggambarkan kebenaran sejarahnya, tetapi adalah sebagai lambang kemegahan dan kekuatan bangsa Melayu (Abu Hassan Sham, 1975: 29). Lahirnya hikayat ini adalah untuk menaikkan semangat bangsa Melayu yang telah begitu merosot moralnya setelah Melaka ditakluki oleh Portugis pada tahun 1511. Dengan lahirnya hikayat ini, pengarang mengharapkan moral bangsa Melayu akan terus berkembang. Dengan ini *Hikayat Hang Tuah* ini bolehlah dijadikan model untuk membentuk sebuah bangsa.

Di dalam *Hikayat Hang Tuah*, Hang Tuah bukanlah sembarangan wira di samping menunjukkan kehandalan dan keberaniannya terhadap musuh, ia juga adalah lambang bangsa iaitu masyarakat Melayu yang mempunyai segala sifat-sifat terpuji bagi seorang Melayu yang ideal pada zamannya (Mohd Taib Osman, 1984: 42). Sifat-sifat terpuji inilah yang dapat membentuk sebuah bangsa yang mulia. Sikap, cara hidup, sifat terpuji dan budaya bangsa Melayu telah dipamerkan oleh watak Hang Tuah. Memandangkan masyarakat pada zaman

Melaka merupakan masyarakat Melayu tradisional maka mereka amat berpegang teguh kepada konsep kesetiaan kepada raja. Kesetiaan seorang hamba kepada rajanya adalah hal yang mutlak dan tidak ada kesetiaan yang berbelah bahagi. Menderhaka adalah merupakan dosa yang amat besar. Dalam Hikayat Hang Tuah, konsep kesetiaan ini didokong oleh watak Hang Tuah. Kesetiaan yang ditunjukkan oleh Hang Tuah sememangnya tidak berbelah bahagi. Hidup dan matinya hanyalah untuk raja dan negeri Melaka, malahan nyawanya sendiri sanggup dikorbankan demi menjalankan perintah raja. Ini boleh dilihat dalam peristiwa Hang Tuah dijatuhkan hukuman bunuh oleh Raja Melaka.

“Alhamdulillah! Si Tuah tiada bertuan dua tiga dan Si Tuah tiada mahu derhaka kepada tuannya. Segeralah datuk kerjakan titah yang maha mulia itu.
(*Hikayat Hang Tuah*, 1991: 207)

Hang tuah menerima hukuman tersebut dengan tenang dan redha. Menurut Kassim Ahmad (1963: 58) Hang Tuah adalah seorang yang terlalu percayakan kedaulatan raja-rajanya. Baginya raja itu adalah “ganti” Allah di dalam dunia ini. Keadaan ini amat bersesuaian dengan masyarakat feudal yang mempercayai bahawa raja itu adalah bayangan Tuhan di muka bumi. Kesetiaan dan ketaatan Hang Tuah juga boleh dilihat di mana dia sanggup membunuh sahabatnya sendiri iaitu Hang Jebat. Walaupun Hang Tuah tahu Hang Jebat menderhaka untuk membela kematian dirinya, namun bagi Hang Tuah penderhaka tetap penderhaka. Sedangkan nyawanya sendiri sanggup dipertaruhkan inikan pula nyawa seorang penderhaka yang telah mencabar institusi kesultanan Melayu Melaka. Seorang penderhaka perlu dihapuskan agar maruah bangsa Melayu tidak tercemar. Ini membuktikan bahawa Hang Tuah sebenarnya bukan melakukan sesuatu pekerjaan itu untuk kepentingan diri sebaliknya hanya untuk kepentingan bangsa, negeri dan rajanya. Dengan adanya konsep kesetiaan dan ketaatan ini, sebuah bangsa yang bersatu padu dapat dibentuk. Konsep kesetiaan ini juga dapat mengelakkan daripada berlakunya perpecahan antara golongan pemerintah dengan rakyat.

Hang Tuah sebagai lambang jati diri bangsa Melayu

Untuk mewujudkan sebuah bangsa yang berjaya dan dikagumi, ia perlu ada kebolehan atau keistimewaan yang dapat menandingi bangsa lain. Dengan adanya kebolehan dan keistimewaan ini, ia bukan sahaja dapat mengangkat martabat bangsa tersebut, bahkan ia dapat membuktikan kepada dunia bahawa bangsa Melayu juga tidak kurang hebatnya. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, Hang Tuah telah mendedahkan kebolehan bangsa Melayu dalam semua bidang. Dengan adanya kriteria seperti memiliki ciri-ciri kepimpinan, cendekiawan, tidak terpesong matlamat dan sentiasa bersikap toleransi serta tenang dalam segala hal, Hang Tuah telah berjaya muncul sebagai tokoh diplomatik yang telah meninggalkan imej kerajaan Melaka ketika di perantauan. Misalnya semasa menjadi utusan ke Benua Keling, Hang Tuah telah mempamerkan sifat-sifat bangsa Melayu seperti bersopan santun, sentiasa bermanis muka dan sentiasa merendahkan diri, sehinggakan Raja Benua Keling iaitu Kisna Rayan begitu mengagumi Hang Tuah.

“Sungguhlah laksamana ini hulubalang besar pada Tanah Melayu dan pada tanah Benua Keling ini pun sukar mencari hulubalang seperti laksamana ini.

(*Hikayat Hang Tuah*, 1991: 427)

Kekaguman Kisna Rayan terhadap kehandalan dan kebolehan Hang Tuah ini sekali gus mengangkat martabat bangsa Melayu dan membuktikan bahawa kebesaran bangsa Melayu dapat menandingi bangsa benua Keling. Pentingnya seorang diplomat yang bijaksana dan mengetahui adat istiadat negeri yang dilawatinya kerana sebagai ketua utusan ia mewakili bangsa dan rajanya. Jika apa-apa kesilapan terjadi ini akan menjatuhkan imej raja dan negaranya. Walau bagaimanapun Hang Tuah tidak pernah menjatuhkan imej raja dan negaranya di negara luar, sebaliknya ia telah menunjukkan kebijaksanaan bangsa Melayu (Abu Hassan Sham, 1975: 68).

Selain dikagumi oleh raja Benua Keling, Hang Tuah turut diberi kepercayaan oleh Kisna Rayan untuk menjadi utusan ke negeri China mewakili Benua Keling. China merupakan sebuah negeri yang besar pada kurun ke-15.

“Daulat tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia, adapun daripada penglihatan patik, mengutus ke Benua Cina itu pekerjaan besar, kerana raja itu raja besar... Maka tutah Kisna Rayan, “Hai laksamana, dapatkan kita suruhkan ke Benua Cina itu?”

(*Hikayat Hang Tuah*, 1991: 434)

Dengan kepercayaan yang diberikan oleh Kisna Rayan terhadap Hang Tuah, seolah-olah memberi pengiktirafan terhadap kewibawaan Melayu. Inilah ciri-ciri bangsa yang diidamkan iaitu satu bangsa yang sentiasa dikagumi dan disegani.

Hikayat Hang Tuah sebagai sebuah teks yang berfaedah

Hikayat Hang Tuah memaparkan tema tentang kesetiaan dan kebaktian seorang hamba kepada tuannya. Tema ini memang jelas dinyatakan oleh pengarang dengan jelas di permulaan cerita. Contohnya:

Bismillahirrahmanirrahim, wabihi nasta'inu bi'llahi'l-a'la. Ini hikayat Hang Tuah yang amat setawan kepada tuannya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya.

(*Hikayat Hang Tuah*, 1991: 1)

Tuan yang dimaksudkan dalam petikan di atas adalah merujuk kepada Sultan Melaka iaitu Sang Maniaka. Tujuan pengarang menghadirkan seorang sahaja raja di dalam *Hikayat Hang Tuah* adalah bertujuan untuk menyerlahkan dan memperjelaskan lagi tentang konsep kesetiaan dan kebaktian Hang Tuah terhadap rajanya. Andainya terdapat ramai raja sudah tentu kesetiaan dan kebaktian Hang Tuah tidak dapat diserlahkan.

Tema kesetiaan ini diulang-ulang oleh pengarang beberapa kali di dalam episod yang seterusnya sehinggakan pembaca boleh mengingati tema tersebut. Misalnya, kesetiaan dan kebaktian Hang Tuah boleh dilihat dalam setiap episod bermula dari zaman kanak-kanak sehinggalah ke usia tuanya. Antaranya ialah sanggup menaikkan kuda raja yang jatuh ke telaga tahi, mempertahankan keselamatan Sultan Melaka semasa di Majapahit, sanggup ditanam hidup-hidup dalam kubur untuk menyempurnakan kehendak raja yang ingin mengetahui keadaan dalam kubur, serta sanggup membunuh sahabatnya sendiri iaitu Hang

Jebat yang telah menderhaka kepada raja. Segala yang dilakukan oleh Hang Tuah bukanlah untuk kepentingan dirinya sendiri tetapi segala-galanya adalah untuk raja. Hidup dan mati Hang Tuah hanyalah untuk raja dan negeri Melaka. Malahan nyawanya sendiri sanggup dikorbankan untuk menjalankan perintah raja. Ini berikutan peristiwa beliau telah dijatuhkan hukuman bunuh oleh Sultan Melaka:

Alhamdulillah! Si Tuah tiada bertuan dua tiga dan Si Tuah tidak mahu derhaka kepada tuannya. Segeralah datuk kerjakan titah yang mulia ini.
(*Hikayat Hang Tuah*, 1991: 58)

Kesetiaan Hang Tuah itu masih terserlah walaupun beliau berada di ambang maut. Beliau masih mengagungkan raja Melaka walaupun beliau sedar dirinya tidak bersalah dan hanyalah menjadi korban fitnah dan teraniaya. Begitulah tema yang diungkapkan dalam *Hikayat Hang Tuah*. Kesetiaan dan kebaktian yang tidak berbelah bahagi.

Menurut Noriah Taslim (1995:11) sikap Hang Tuah yang paling mengagumkan ialah kesetiaannya terhadap “raja keturunan Bukit Seguntang” ini. Walaupun Hang Tuah berkali-kali dipujuk supaya berkhidmat kepada raja-raja lain dengan ganjaran-ganjaran yang amat menarik, tetapi prinsipnya ialah “Si Tuah tiada mahu bertuan lain, sehingga mati sudahlah.” Inilah sikap hamba yang unggul, walaupun tidak munasabah seperti terjun ke dalam telaga najis dan masuk ke dalam kubur. Dan sikap inilah juga yang mewajarkan tindakannya membunuh sahabat karibnya sendiri, suatu tindakan yang kita anggap sebagai keterlaluan. Sikap ini jugalah yang memperjelaskan mengapa Hang Tuah tidak pernah menyoal sikap atau perintah raja. Hang Tuah tidak mahu derhaka kepada tuannya, walaupun “sebesar-besar dosanya sekalipun.” Ini kandungan waadat hamba dengan rajanya yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* “Kitab Peraturan Segala Raja-raja Melayu” yang menjadi pegangan generasi Melayu zaman-berzaman. Selagi perjanjian itu dipegang, “tak akan Melayu hilang di dunia.” Hal ini demikian kerana Hang Tuah ingin “supaya masyhur nama hambamu datang kepada akhir zaman” dengan falsafah hidupnya “baik mati dengan nama yang baik, jangan hidup dengan nama yang jahat.”

Sebagai sebuah karya yang berfaedah, selain daripada tema kesetiaan, *Hikayat Hang Tuah* memaparkan aspek peranan pengarang yang memenuhi proses penciptaan tradisi iaitu mengikut kaedah sistem konvensi. Pada zaman dahulu, setiap karya atau penciptaan adalah milik bersama dan bukannya hank individu. Ini dapat dijelaskan melalui petikan oleh Muhammad Hj Salleh (1992: 26):

Sebelum kurun ke-19, karya diserahkan kepada masyarakat sebagai sumbangan yang amat merendah diri dan faham akan sifat masyarakat yang sangat bermurah hati, pandang memandang, tanggung menanggung... sering kepunyaan seseorang merupakan kepunyaan yang lain.

Menurut Annas Hj Ahmad (1997: 164) pengarang *Hikayat Hang Tuah* telah mengambil watak Hang Tuah dari manusia sejarah dan ketika membina watak ini, ia disenyawakan dengan aspirasi dan perasaan, sifat dan keadaan dalam masyarakat Melayu zamannya. Dengan ini bolehlah dikatakan bahawa pengarang cuba menggambarkan sistem sosio budaya dalam zaman feodal. Dalam zaman feodal konsep kesetiaan amat ditekankan. Masyarakat tradisional amat berpegang teguh kepada konsep kesetiaan kepada raja. Ini kerana mereka mempercayai raja adalah bayangan tuhan di dunia. Oleh itu, kesetiaan seorang hamba kepada

raja adalah hal yang mutlak dan kuasa raja tidak dapat dilangkahi sama sekali. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, pendokong utama konsep kesetiaan ini adalah Hang Tuah. Kesetiiaannya tidak berbelah bahagi dan hidup matinya hanyalah untuk raja dan negeri Melaka. Penonjolan watak Hang Tuah oleh pengarang ini amat menepati konvensi masyarakat pada masa itu. Penghasilan *Hikayat Hang Tuah* amat selari dengan nilai masyarakat dan pemikiran mereka pada zaman dahulu.

Gambaran perwatakan Hang Tuah sebagai seorang yang begitu setia kepada raja bukan sahaja menunjukkan Hang Tuah sebagai seorang tokoh yang unik, malah menjadikan Hang Tuah sebagai wira bangsa Melayu. Annas Hj Ahmad (1964: 155) mengatakan tingkah laku Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah* mestilah dilihat dari segi simbolisnya, iaitu dari segi ketaatan dan kesetiiaannya berkhidmat untuk orang Melayu. Abdul Rahman Napiah (1994: 4) juga telah membuktikan bahawa *Hikayat Hang Tuah* merupakan lambang kesatriaian dan kepahlawanan bangsa Melayu, dan Hang Tuah adalah satu contoh yang tinggi dan mulia dalam mengabdikan diri kepada sultan dan negara berdasarkan penelitiannya daripada kata-kata Za'aba. Ketaatsetiaan yang dipaparkan oleh Hang Tuah begitu mutlak sifatnya. Beliau sanggup berkorban apa sahaja termasuk nyawanya sendiri sebagai pertaruhan seandainya diperlukan oleh raja dan negara.

Prinsip hidup Hang Tuah iaitu “pantang Melayu menderhaka kepada raja” sebenarnya merupakan lambang kesetiaan masyarakat Melayu keseluruhannya di dalam pemerintahan feudal. Umar Junus mengatakan bahawa sebagai wira, tugas utama Hang Tuah adalah menjaga kelanjutan lembaga kerajaan yang sebagai satu konsep adalah suatu yang abstrak dan boleh berlaku di mana sahaja (1990: 57). Raja atau sultan dianggap sebagai tempat bergantung hidup dan tempat mendapatkan perlindungan oleh rakyat pada zaman feudal. Mereka percaya, raja merupakan titisan darah dewa-dewa dan wakil tuhan di dunia. Justeru itu, segala titah perintah raja mesti dijunjung dan kedaulatan raja mesti dipelihara. Hang Tuah sendiri telah bersumpah bahawa beliau sama sekali tidak akan bertuankan kepada orang lain selain raja Melaka. Beliau tidak pernah belot sama ada di negara sendiri mahupun di negara lain ketika berkhidmat sebagai diplomat. Misalnya, semasa berada dalam buangan di Inderapura setelah dicitra, Hang Tuah tetap setia kepada raja Melaka dan beliau sanggup melarikan Tun Teja tunangan orang semata-mata untuk diserahkan kepada raja walaupun raja telah menjatuhkan hukuman bunuh terhadapnya. Sifat kesetiaan Hang Tuah kepada raja tidak berbelah bahagi.

Hang Tuah juga begitu berani dalam menunjukkan kesetiiaannya kepada raja telah menjadikannya sebagai seorang wira. Keberanian yang ditunjukkan oleh Hang Tuah ini menonjolkannya sebagai wira bangsa Melayu. Keberanian Hang Tuah dapat dilihat sejak kecil lagi apabila Hang Tuah bersama-sama sahabatnya yang terdiri daripada Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu berjaya menewaskan lanun-lanun semasa dalam pelayaran menuju ke Pulau Tinggi. Hang Tuah berani melakukan apa sahaja perkara yang tidak boleh dilakukan oleh orang lain semata-mata kerana kesetiiaannya kepada raja. Misalnya, Hang Tuah berani berlawan dengan musuh di Majapahit yang begitu ramai. Semua musuh yang datang dapat dikalahkannya. Hang Tuah dalam bab 13 telah berjaya mengalahkan 200 penjurit yang mengamuk apabila utusan Melaka (Hang Tuah) sampai ke Majapahit. Selain itu, Hang Tuah dapat membunuh seramai 70 orang penjurit upahan Patih Gajah Mada yang ditugaskan membunuhnya di Majapahit. Kata-kata Hang Tuah adalah seperti berikut:

“Pada bicara patik ini, jangankan tujuh puluh, jika seribu atau dua ribu sekalipun patik tidak indahkan; patik mudah juga mengembari dia...

(*Hikayat Hang Tuah*, 1991: 86)

Keberanian berlawan dengan musuh yang telah ditunjukkan oleh Hang Tuah di merata-rata tempat sama ada di Melaka, Majapahit, Inderapura, dan tempat lain penting untuk menjaga kedaulatan raja dan menaikkan imej raja. Penonjolan watak Hang Tuah yang begitu penting untuk menjaga kedaulatan raja menjadikannya seorang wira bangsa Melayu yang sewajarnya disanjung tinggi. Kata-kata Kassim Ahmad (1969: 42) bahawa Hang Tuah dikenali oleh sebab keberanian dan kepahlawanannya yang luar biasa serta sifat-sifat dirinya yang inilah memainkan peranan penting. Sifat keberanian yang ada pada Hang Tuah semata-mata untuk menunjukkan kesetiaannya kepada raja, menjadikan Hang Tuah sebagai seorang wira bangsa Melayu. Jadi, dapatlah dikatakan bahawa Hang Tuah sebagai watak wira yang berani berlawan dengan musuh semasa menjalankan suruhan raja. Beliau begitu amanah dalam menjalankan suruhan raja. Sifat baik yang ditonjolkan oleh Hang Tuah ini juga dapat melambangkan realiti masyarakat Melayu pada ketika itu yang begitu setia dan menyanjung tinggi tokoh raja atau sultan.

Di antara episod lain yang berfaedah kepada masyarakat ialah Hang Tuah amat fasih berkata-kata. Keadaan ini dapat dilihat apabila Maharaja Rom (Turki) amat kagum dengan kebolehan Hang Tuah bertutur dengan baik dalam bahasa Rom semasa berada di negeri tersebut. Kekaguman maharaja itu digambarkan dalam hikayat ini seperti berikut:

“Siapa lain dari laksamana, kerana laksamana itu tahu akan perintah segala raja-raja yang besar-besar; tambahan ia orang bijaksana

(*Hikayat Hang Tuah*, 1991: 433)

Daripada petikan ini, jelas bahawa ketinggian ilmu dalam pelbagai bahasa dan mengetahui adat istiadat negeri-negeri lain menjadikan nama Hang Tuah begitu masyhur pada pandangan negara lain. Kemasyhuran nama Hang Tuah ini pada masa yang sama juga turut menaikkan nama raja dan seterusnya menaikkan nama bangsa Melayu. Walaupun Hang Tuah dikagumi oleh raja atau pemerintah, namun hatinya tetap teguh pada kekuasaan raja Melaka dan tidak bertindak berpaling tadah pada rajanya. Hang Tuah begitu setia kepada rajanya.

Di samping itu masyarakat feodal menganggap derhaka adalah merupakan dosa yang amat besar. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, pengarang turut menyelitkan tentang padahnya yang akan diterima oleh seseorang apabila dia menderhaka kepada raja. Peristiwa ini berlaku ke atas Hang Jebat. Hang Jebat merupakan seorang yang telah melanggar adat dan norma-norma yang ada dalam masyarakat feodal yang berpegang teguh kepada konsep “pantang Melayu derhaka.” Sebaliknya Hang Jebat telah sewenangnyanya melakukan penderhakaan kepada Sultan Melaka. Akhirnya, balasan yang diterima amat dahsyat sekali. Contohnya:

... bangkai Hang Jebat pun disuruh oleh Laksamana tarik ke pintu gerbang pada tengah jalan raya besar, dipasarkan supaya dilihat orang banyak pergi datang. Setelah genap tujuh hari, maka bangkai Hang Jebat pun digantung orang pula di tengah jalan raya.

(*Hikayat Hang Tuah*, 1991: 397)

Begitulah kesudahan orang yang menderhaka kepada raja. Sekali lagi pengarang berjaya menaati tradisi penulisan zamannya. Semua ini dapat diterima oleh masyarakat Melayu zaman feudal. Sebagai pendokong konsep kesetiaan, tindakan Hang Tuah membunuh memang benar dan kena pada tempatnya. Ini kerana tindakan Hang Jebat bermukah dengan dayang istana, menduduki istana raja, membunuh rakyat yang tidak berdosa adalah sesuatu yang amat bertentangan dengan tatasusila zaman tersebut. Perbuatan yang dilakukannya adalah perbuatan yang terkutuk. Konsep yang dipegang oleh Hang Jebat iaitu “Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah” tidak dapat diterima oleh sistem konvensi masyarakat pada zaman itu. Bagi mereka apa yang dititahkan oleh raja itulah yang akan dipatuhi. Sebagai petunjuk masa depan, konsep kesetiaan dan penderhakaan adalah menjadi petunjuk dan teladan kepada masyarakat.

Kesimpulan

Justeru, *Hikayat Hang Tuah* dihasilkan bukan setakat untuk mencerminkan gambaran masyarakat Melayu Melaka pada kurun ke-15 tetapi ia juga boleh digunakan sebagai model pembentukan sebuah negara dan bangsa. Hikayat ini juga boleh dijadikan teras utama dalam mencorakkan budaya bangsa. Keunikan Hang Tuah terletak pada kesetiannya kepada raja dan keunikan Hang Jebat pula pada penderhakaannya. Sungguhpun kedua-duanya mempunyai keunikan yang tersendiri, namun Hang Tuah boleh dianggap sebagai hero dan wira bangsa Melayu berbanding Hang Jebat. Hang Tuah adalah hero pada zaman feudal dan menjadikan prinsip hidup yang diamalkannya disanjung tinggi. Sifat kesetiaan Hang Tuah menjadi model atau petunjuk masa depan generasi kini yang mesti menjunjung tinggi sistem pemerintahan diraja kerana ia adalah lambang jati diri bangsa Melayu. Lambang Melayu adalah terletak pada pemerintahan beraja. Jatuh pemerintahan beraja maka lenyaplah jati diri bangsa Melayu.

Rujukan

- Abu Hassan Sham. (1975). *Hikayat Hang Tuah*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Annas Hj Ahmad. (1977). *Sastera Melayu Lama dan Baru*. Kuala Lumpur: Hon Heng Press, Co
- Ali Ahmad.(1987). *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky V.I. (1989). “Sistem Sastera Melayu Klasik dan Penilaiannya” dalam *Dewan Sastera* Oktober. Hlm: 42-51
- Braginsky V.I. (1994). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky V.I. (1998). *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal: Sejarah Sastera Melayu dalam Abad 7-19*. Jakarta Inis.
- Hashim Awang et.al. (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Hashim Awang (peny). (1984). *Seuntai Mutiara Klasik*.Petaling Jaya:Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hashim Awang.(1985). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya:Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hoggart, Richard. (1996). “Literature and Society” dalam N. Mackenzie

- (peny) *A Guide to the Social Science*. London: Wedenfeld and Nicholson. Hooykaas. (1965). *Penyedar Sastera*. London: London Oxford University Press.
- Kassim Ahmad. (1991). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kassim Ahmad. (1963). *Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Progresif Inggeris-Melayu*. (1973). Shah Alam: Fajar Bakti.
- Koster, G.L. (1997). *Roaming through Seductive Gardens*. Leiden: KITLV Press.
- Mohd Taib Osman. (1984). “Masyarakat dalam Hikayat Hang Tuah” dalam Abdul Latif Abu Bakar. (Peny). *Warisan Sastera Melaka*. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn Bhd
- Muhammad Hj Salleh. (1992). *Puitika Sastera Melayu: Suatu Pertimbangan*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Hj Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noriah Taslim. (1986). *Asas-asas Pembinaan Epik*. Siri Edisi Awal. P. Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Noriah Taslim. (1995). “Hikayat Hang Tuah: Sebuah Kitab Peraturan Segala Hamba” dlm *Dewan Sastera*. November. Hlm; 6-11. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siti Hawa Salleh. (1997). *Kesusasteraan Melayu Abad kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zalila Sharif dan Jamilah Hj Ahmad. (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka